

Galak rakyat beli kereta berkuasa rendah — Dr. M

UM - 2 AUG 2005

KUALA LUMPUR 1 Ogos — Kerajaan perlu menggalakkan rakyat membeli kereta berkuasa rendah bagi membantu memajukan industri kereta nasional sekali gus dapat menjimatkan penggunaan petrol.

Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, trend masa kini yang cenderung kepada penggunaan kereta jenis pelbagai guna (MPV) dan berkuasa besar menyumbangkan kepada peningkatan penggunaan petrol.

“Amerika Syarikat (AS) sendiri semasa krisis minyak pertama cuba mengurangkan penggunaan minyak dengan cara mengeluarkan kereta jenis kompak.

“Tetapi sekarang AS sendiri cenderung mengeluarkan kereta jenis MPV sehingga menjadi ikutan masyarakat dunia, mungkin kerana berasa mereka senang mendapatkan

bekalan minyak,” katanya pada sesi dialog sempena Persidangan Antarabangsa ‘Tun Dr. Mahathir Mohamad: Mengurus Tadbir Urus dan Pembangunan Di Abad Ke-21’ di sini malam ini.

Persidangan itu adalah anjuran Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM). Hadir sama ialah Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Dr. Nordin Kardi.

Dr. Mahathir yang kini Penasihat Proton berkata, kereta MPV semakin menjadi pilihan rakyat Malaysia selain dikenakan cukai yang rendah, sedangkan kereta jenis tersebut memerlukan penggunaan petrol yang banyak.

“Sebagai sebuah negara pengeluar kereta, kita tidak boleh berkempen agar rakyat kita tidak menggunakan kereta dalam menghadapi

masalah kekurangan bekalan minyak pada masa depan.

“Apa yang boleh kita buat ialah mengeluarkan kereta bersaiz kecil yang bukan sahaja mengenakan cukai yang rendah malah menjimatkan penggunaan minyak, sebab itu kita perkenalkan kereta Kancil,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sebagai persediaan menghadapi masalah kekurangan bekalan minyak yang dikeluarkan oleh Petronas, Proton Holdings Bhd. akan mengeluarkan kereta jenis hibrid pada masa depan.

“Petronas boleh berusaha untuk melabur dalam usaha cari gali minyak di negara luar untuk terus mendapatkan bekalan.

“Dalam masa yang sama Proton perlu mengeluarkan kereta hibrid bagi menjimatkan penggunaan petrol,” katanya.